



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)
www.ijmoe.com



**PERANAN BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO) DALAM
PEMBANGUNAN PENDIDIKAN KANAK-KANAK KECICIRAN
DI SABAH**

*THE ROLE OF NON-GOVERNMENTAL ORGANIZATION (NGO) IN EDUCATION
DEVELOPMENT FOR VULNERABLE CHILDREN AT SABAH*

Musaiyadah Ahmadun^{1*}, Dg Syahirah Nasuha Nurshid²

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kampus Kota Kinabalu, 88997, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Email: musaiyadah@uitm.edu.my

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kampus Shah Alam, 40450, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Email: 2024196575@student.uitm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 18.04.2024

Revised date: 13.05.2024

Accepted date: 15.06.2024

Published date: 30.06.2024

To cite this document:

Ahmadun, M., & Nurshid, D. S. N. (2024). Peranan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam pembangunan Pendidikan kanak-kanak keciciran di Sabah. *International Journal of Modern Education*, 6 (21), 588-597.

DOI: 10.35631/IJMOE.621043

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Dasawarsa ini, isu kanak-kanak keciciran ini sering menjadi topik hangat dan bukanlah suatu perkara yang asing didengar. Walhal, isu ini semakin berganda setiap tahun dan memberikan impak yang sangat besar kepada pembangunan negara. Seperti yang kita ketahui, salah satu akar dalam sesebuah pembangunan adalah pendidikan. Kemajuan pendidikan dapat membantu masyarakat untuk mengembangkan sendiri & pemikiran bermula sejak kecil lagi iaitu kanak-kanak. Kanak-kanak adalah penerus generasi untuk pembangunan kepada negara. Negara kita, Malaysia telah meratifikasi Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak atau *Convention on the Rights of the Child (CRC)* pada 17 Februari 1995 & konvensyen ini memberikan tumpuan kepada kanak-kanak dalam aspek kebajikan, perlindungan, kelangsungan hidup dan sebagainya. Pelbagai faktor yang dihadapi oleh kanak-kanak keciciran ini terutama dari sudut sosioekonomi keluarga. Antaranya faktor kemiskinan dan gaya hidup keluarga serta latar belakang Pendidikan. Artikel ini membincangkan tentang peranan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam menangani isu ini dalam Pembangunan Pendidikan alternatif kanak-kanak keciciran di Sabah. Metodologi yang digunakan untuk kajian ini ialah kaedah kepustakaan secara analisis kandungan dokumen merujuk kepada jurnal dan artikel yang berkaitan. Pelbagai Cadangan yang dicadangkan dalam membantu kanak-kanak keciciran untuk diberikan Pendidikan Alternatif. Hasil dapatan

kajian menunjukkan sumbangan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam Pembangunan kanak-kanak keciciran di Sabah.

Kata Kunci:

Peranan, Badan Bukan Kerajaan (NGO), Kanak-Kanak Keciciran, Pembangunan Pendidikan, Pendidikan Alternatif

Abstract:

In Decade, This issue is often a contentious one and is not merely an unfortunate story. In any case, this issue is becoming more and more pressing every year and presents a significant challenge to national development. As we all know, education is the first step in any building project. Education can help the community to develop self-reliance and perseverance starting at a young age, specifically among children. Young people are the future generation that will build the nation. Our country, Malaysia, has ratified the Convention on the Rights of the Child, also known as Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak on February 17, 1995. This convention provides protection to children in terms of their rights to education, health, and welfare, among other things. The various factors that these young people experience are primarily influenced by their family's socioeconomic background. Among them are the penury factor, the group lifestyle, and the barrier to education. This article discusses the approach taken by the Non-Governmental Organization (NGO) to address this issue in the development of vulnerable children alternative education in Sabah. The methodology used for this study is a type of case study that involves analyzing the contents of documents that are submitted to journals and related articles. The various tools that are used to help children become more receptive to receiving alternative education. The research findings indicate the role of the Non-Governmental Organization (NGO) in the development of vulnerable children in Sabah.

Keywords:

Role, Non-Governmental Organization (NGO), Vulnerable Children, Education Development, Alternative Education

Pendahuluan

Badan bukan Kerajaan (NGO) adalah salah satu institusi penyumbang kepada komuniti setempat bukan sahaja di dalam negara kita, Malaysia bahkan perkembangan institusi ini di seluruh dunia. Tambahan pula, Badan Bukan Kerajaan (NGO) memainkan peranan yang sangat penting dalam perkembangan sesebuah negara. Campur tangan Badan Bukan Kerajaan memberikan impak yang signifikan dari pelbagai sektor terutamanya dalam sumbangan kepada sektor Pendidikan. Sektor Pendidikan sangat penting kepada masyarakat setempat contohnya di Malaysia terutamanya kepada kanak-kanak.

Di Malaysia, asas Pendidikan ini telah dibina bermula dari kanak-kanak bermula umur 4 tahun (Akta Pendidikan 1996). Dalam Akta Kanak-kanak 2001 dan Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak mendefinisikan kanak-kanak adalah seorang yang berumur di bawah umur lapan belas tahun. Justeru itu, hak kanak-kanak terhadap Pendidikan di Malaysia menjadi keutamaan dimana Kementerian Pendidikan Malaysia telah menetapkan peringkat permulaan sekolah bagi kanak-kanak adalah bermula daripada Pendidikan pra sekolah, pendidikan rendah, pendidikan

menengah dan melanjutkan kepada pendidikan tinggi. Sehubungan dengan itu, Pendidikan wajib ini sejajar dengan perkara 15 Sistem Pendidikan Kebangsaan yang mana mestilah terdiri daripada (a) Pendidikan prasekolah; (b) Pendidikan rendah; (c) Pendidikan menengah; (d) Pendidikan lepas menengah; dan (e) Pendidikan tinggi (Akta Pendidikan 1996).

Namun begitu, peruntukan ini hanya terpakai kepada kanak-kanak yang berstatus warganegara dan tidak terpakai kepada kanak-kanak bukan warganegara. Manakala, kanak-kanak yang tidak mempunyai dokumen sendiri yang berstatus bukan warganegara tidak mendapat jaminan pendidikan kebangsaan di negara ini (Badariah, 2018). Kanak-kanak yang bersekolah majoriti adalah dari kalangan orang miskin dan pelarian daripada negara jiran dan mereka tidak mendapat hak samarata terhadap pendidikan seperti golongan muda yang lain. (Shahrizal et al., 2021).

Laporan pendidikan menunjukkan sebanyak 30% kanak-kanak yang tidak mempunyai dokumen tidak mendapatkan pendidikan formal di Sabah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2009). Tetapi pihak kerajaan baru-baru ini telah menyatakan bahawasanya telah mengutip data kanak-kanak keciciran dan dibantu oleh pihak Badan Bukan Kerajaan dan beliau juga berkata isu ini dalam tahap yang membimbangkan. (Berita Harian, 2023). Pihak kerajaan telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan model khas iaitu Sekolah Komprehensif 9 (K9) dan Sekolah Komprehensif 11 (K11) (Sinar Harian, 2023). Sekolah model khas ini dikhususkan kepada kanak-kanak keciciran seperti kanak-kanak yang tinggal jauh pinggir bandar, pedalaman & pulau untuk mengatasi masalah dan memberikan akses pendidikan. Namun begitu, Sekolah model khas ini juga dikhususkan kepada kanak-kanak berstatus warganegara sahaja.

Di Malaysia, sebenarnya walaupun Kementerian Pendidikan Malaysia tidak dapat menangani sepenuhnya isu masalah kanak-kanak keciciran pembelajaran. NGO sangat memainkan peranan dalam membantu kanak-kanak keciciran pembelajaran terutamanya di Sabah. Campur tangan dan usaha daripada NGO dalam memberikan pendidikan kepada kanak-kanak ini ditinjau oleh pihak kerajaan. Objektif dalam kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti peranan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam pembangunan kanak-kanak keciciran di Sabah. Justeru itu, Peranan NGO sangat membantu dalam membantu untuk meningkatkan pendidikan terutama kepada golongan kanak-kanak yang tidak mempunyai status kewarganegaraan ini. Antara peranan yang disumbangkan oleh Badan Bukan Kerajaan dalam membangunkan pendidikan alternatif seperti Pusat Pembelajaran Alternatif dari pelbagai sudut infrastruktur, persekitaran serta penyediaan tenaga pengajar.

Badan Bukan Kerajaan (NGO) di Malaysia

Badan Bukan Kerajaan atau *Non-government Organization* adalah sebuah institusi bukan kerajaan yang membantu dalam kemajuan sesebuah negara. Di dalam Pelan NGO Rakan Perpaduan (Friends of Unity) 2022-2023, NGO dimaksudkan sebagai persatuan, organisasi dan gerakan sukarelawan. Badan organisasi hendaklah memberikan khidmat bakti dan tidak bertujuan untuk mengaut keuntungan semata terhadap komuniti. Terdapat dua peranan utama yang digariskan di dalam pelan ini, iaitu menjadi pengantara kepada komuniti dan menjadi agen perubahan.

Melihat kepada sejarah perkembangan Badan Bukan Kerajaan (NGO) mengikut peredaran zaman, institusi ini semakin bertambah dan kesedaran mengenai institusi ini semakin meluas & membuka minda masyarakat di Malaysia. Pada 31 Disember 2002, sebanyak 33512 yang berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (Makmor Tumin, Robi. 2007). Dan kini, statistik pertubuhan aktif yang dikemaskini di portal rasmi pada 29 April 2024 menunjukkan bahawa mencecah sehingga jumlah 84,794 pertubuhan yang mana pertubuhan-pertubuhan ini telah berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan. Badan Bukan Kerajaan (NGO) terbahagi kepada beberapa kategori iaitu seperti politik, kebajikan, sosial, rekreasi, faedah bersama (Khairat kematian), kebudayaan, kesenian, perdagangan & iktisas serta hak asasi. Setiap NGO yang berdaftar hendaklah cakna & memastikan untuk mematuhi segala undang-undang yang telah ditetapkan oleh kerajaan Malaysia iaitu Akta Pertubuhan 1966 (335), Peraturan Peraturan Pertubuhan 1984 atau Perlembagaan Pertubuhan dan Akta Hasutan 1948.

NGO di Malaysia telah bergerak aktif untuk membendung masalah-masalah yang dihadapi dan membantu masyarakat setempat. Peranan institusi ini sangat besar dalam menyelesaikan masalah yang tidak dipenuhi oleh pihak kerajaan. Salah satu peranan NGO adalah dari sudut membantu pihak kerajaan dalam meningkatkan sistem pendidikan di Malaysia. Aspek pendidikan yang mana hak pendidikan ini untuk semua dan pembelajaran sepanjang hayat terutamanya kepada kanak-kanak keciciran pembelajaran. Antara salah satu pemfokusan NGO dalam bidang pendidikan adalah kepada kanak-kanak keciciran terutamanya yang tidak mempunyai dokumen kewarganegaraan. Negeri Sabah antara negeri yang dikenali dengan bilangan penduduk bukan warganegara seperti pelarian filipina, samaada mempunyai dokumen atau tidak, bajau laut, pekerja ladang dan pendatang asing dari negara filipina dan indonesia (Shawn, 2020).

Antara NGO-NGO yang terlibat memberikan Pusat Pembelajaran Alternatif (PPA) di Sabah seperti Mabul Kids Education Society (MKES), NGO Haluan, NGO Yayasan Guru Malaysia Berhad (Badariah, 2018). Selain itu juga, ada beberapa Pusat Pembelajaran Alternatif (PPA) yang dikendalikan oleh Majlis Keselamatan Negara dengan kerjasama pihak kerajaan, antaranya Pusat pembelajaran Alternatif Kampung Numbak Kota Kinabalu, Pusat Pembelajaran Alternatif Kampung Sri Telipok, Pusat Pembelajaran Alternatif Kampung Kinarut, Pusat Pembelajaran Alternatif Kampung Kimodo dan Pusat Pembelajaran Alternatif Lok Urai, Pulau Gaya (Rahman et al., 2018) Borneo Komrad, Cahaya Society (Shahrizal et al., 2021), Pusat Pembelajaran Alternatif Big John, Sekolah Alternatif Al-Amin (Afifah & Badariah, 2022) dan *Murni Alternative Education Centre* (MAEC) (Vincent et al., 2019). Oleh itu, kita hendaklah melihat apakah peranan utama pihak NGO dalam membangunkan sistem pendidikan terutama kepada kanak-kanak keciciran di Sabah.

Sumbangan NGO dalam Pembangunan Pendidikan

Hasil analisis dan dapatan dalam kajian ini mendapati banyak usaha Badan Bukan Kerajaan untuk meningkatkan dalam pembangunan pendidikan alternatif terhadap kanak-kanak keciciran samaada kanak-kanak yang tiada kewarganegaraan atau selainnya. Pelbagai inisiatif Badan Bukan Kerajaan (NGO) di dalam negara kita terutamanya Sabah untuk memberikan pendidikan tidak formal atau dikenali pendidikan alternatif dengan membuka pusat pembelajaran alternatif (*Alternative Learning Centre*). Menurut UNICEF (2019) terdapat 170 PPA yang telah ditubuhkan di Sabah. Antara aspek-aspek yang diambil berat oleh NGO untuk

menghasilkan sebuah PPA dan membangunkan pendidikan tidak formal:(a)Infrastruktur, (b)Persekitaran dan (c)Asas Pengajaran.

a) Peranan NGO dari sudut Infrastruktur

Infrastruktur atau kemudahan prasarana yang lengkap dan utuh adalah elemen yang penting dalam membentuk negara yang terkedepan. Penyediaan infrastruktur sangat penting dalam institusi pendidikan. Pembangunan Infrastruktur dalam sektor pendidikan dapat membantu dalam memberikan tempat yang selesa & nyaman. Di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025, menyatakan beberapa langkah yang akan diambil oleh pihak kerajaan terhadap pembangunan infrastruktur sekolah. Antaranya seperti memastikan agar infrastruktur sekolah mempunyai tahap infrastruktur yang baik dan meningkatkan kemudahan untuk membantu pengajaran & pembelajaran di sekolah serta membaikpulih sekolah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah menyatakan di dalam Belanjawan 2024 untuk memberikan kos sebanyak RM1.9 bilion kepada sektor pendidikan (Berita Harian, 2023). Walau bagaimana sekalipun, kos ini akan hanya digunakan untuk sekolah kerajaan sahaja bukan pusat pembelajaran alternatif kanak-kanak keciciran. Oleh itu, pembangunan infrastruktur memerlukan dana yang cukup untuk menampung segala kos pembinaan apatah lagi kos untuk penambahbaikan pusat pembelajaran yang telah dibantu oleh NGO. Namun, jika kita lihat dari sudut infrastruktur di dalam PPA kebanyakannya kurang sempurna dan tidak lengkap seperti sekolah kerajaan (Shahrizal et al., 2021). Misalnya, tempat belajar yang sempit yang kurang selesa dan nyaman, tidak memuatkan jumlah yang ramai untuk mereka diberikan pendidikan.

Namun begitu, ada beberapa NGO berusaha untuk membantu dari segi infrastruktur. Antara langkah yang diambil oleh pihak NGO berupaya untuk meminjam tempat yang sedia ada untuk menjalankan aktiviti pendidikan. Tamsilnya, seperti NGO Haluan membina tempat belajar Kelas Bimbingan Insan yang memuatkan pelajar seramai 30 orang. Selain itu juga, NGO Yayasan Guru Malaysia Berhad membantu untuk menyediakan tempat belajar dengan meminjamkan kelas di SK Mabul pada sebelah petang (Badariah, 2018). Tambahan pula, organisasi dari golongan muda iaitu Borneo Komrad berinisiatif untuk menubuhkan 4 buah Pusat Pembelajaran Alternatif (PPA) iaitu Sekolah Alternatif Rumah Pangi, Sekolah Alternatif Kg Bangau-Bangau Semporna, Sekolah Alternatif Tawau dan Sekolah Alternatif Teluk Layang (Norhafiza, 2022). Selain daripada itu terdapat PPA di Kg Numbak, Kota Kinabalu yang selesai dibina pada tahun 2010 dan secara rasminya dibuka pada tahun 2011 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama United Nations Children's Fund (UNICEF) dan Majlis Keselamatan Negara (UNICEF, 2015).

Sehubungan dengan itu, terbuktilah wujud sumbangan yang disumbangkan Badan Bukan Kerajaan dalam meningkatkan pembangunan pendidikan melalui pembinaan infrastruktur. Pelbagai Pusat Pembelajaran Alternatif didirikan untuk memberikan peluang hak pendidikan tidak formal kepada kanak-kanak keciciran hasil daripada bantuan NGO-NGO di Sabah dan sokongan padu daripada Kerajaan.

b) Peranan dari sudut Persekitaran

Persekitaran atau *Environment* adalah sangat penting dalam kehidupan seharian untuk membina hidup yang harmoni dan sejahtera. Persekitaran sangat memberi kesan kepada mental dan fizikal seseorang terutama kepada kanak-kanak. Dalam memberikan pendidikan, perkara

yang harus dititikberatkan adalah menyediakan persekitaran pembelajaran. Persekitaran pembelajaran yang baik akan meningkatkan keberkesanan hasil pembelajaran (Che Nidzam et al., 2013). Persekitaran pembelajaran fizikal dalam bilik darjah (tempat pembelajaran) itu hendaklah meliputi aspek seperti perabot yang lengkap, ruang yang sesuai dengan kuantiti pelajar, pencahayaan hendaklah mengikuti ketetapan piawaian dan pengudaraan yang baik (Marinah Awang, 2018).

Sekolah kerajaan mempunyai kemudahan fasiliti yang bagus berbanding PPA dan persekitaran yang lebih selesa. Melihat kepada situasi ini, persekitaran pembelajaran sangat tidak sempurna dan tidak kondusif. Hal ini akan memberikan dampak yang besar terhadap hasil pembelajaran terhadap kanak-kanak keciciran. Ruang yang sempit dan kecil menyebabkan kesusahan pelajar untuk fokus terhadap pelajaran semasa di tempat belajar. Walaubagaimanapun, usaha yang disalurkan oleh BBK sangat memainkan peranan dalam membantu menyediakan persekitaran pembelajaran yang nyaman. Melihat kepada Pusat Pembelajaran Alternatif di Kg Numbak, Kota Kinabalu disumbangkan perabot seperti meja, kerusi, papan tulis (UNICEF, 2015). Di samping itu, Yayasan Sime Darby menyumbangkan meja dan kerusi untuk PPA MAEC (Wirawati et al., 2017).

Biarpun, lokasi PPA ini terletak di kepulauan yang jauh dari bandar akan tetapi tiada kekangan untuk menerima pendidikan tidak formal terhasil dengan adanya bantuan dari NGO. Seperti PPA MKES atau Sekolah Saudara Borneo, KBI, YGMB, PPA Big John, Sekolah Alternatif Al-Amin (Afifah & Badariah, 2022). Dan ada juga PPA yang terbina di atas kampung perairan seperti Sekolah Alternatif Borneo Komrad, Semporna (Malaysia kini, 2020). Sehubungan dengan itu, ini menunjukkan lokasi bukan penghalang untuk menerima peluang pendidikan tidak formal.

c) Peranan dari sudut Asas Pengajaran

Pembentukan asas pengajaran dan pembelajaran adalah elemen yang penting dalam meningkatkan sektor pendidikan. Proses Pengajaran dan pembelajaran (PdP) ialah hasil objektif yang ingin dicapai sepanjang PdP. Seorang tenaga pengajar hendaklah menitikberatkan proses pengajaran dan pembelajaran antaranya penyusunan rancangan pengajaran harian, penggunaan silibus pembelajaran, penyediaan alat bantu mengajar dan teknik pengajaran yang efektif.

Tenaga pengajar atau guru adalah watak utama dalam mendidik anak-anak untuk memberikan pendidikan. Seorang tenaga pengajar hendaklah berpengetahuan tinggi dan berkeupayaan daripada generasi sebelumnya (Arthur, 2006). Selain itu, tenaga pengajar hendaklah menghasilkan pembelajaran secara berkumpulan, melalui bahan bacaan, pedagogi dan selainnya (Shawn, 2020). Sehubungan dengan itu, kelayakan untuk menjadi seorang guru di sekolah kerajaan adalah berdasarkan latar belakang pendidikan samaada mendapatkan ijazah sarjana muda pendidikan atau mendapatkan ijazah sarjana muda bidang yang berkaitan serta diploma pendidikan dan banyak syarat yang telah ditetapkan (Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia).

Walhal, Tenaga pengajar di PPA diambil untuk mengajar kanak-kanak keciciran berlatarbelakangkan pendidikan pada tahap kelayakan minimum. Namun begitu, tenaga pengajar di beberapa PPA diberikan latihan perguruan & pedagogi oleh UNICEF untuk meningkatkan kualiti teknik pengajaran dan pembelajaran (UNICEF, 2015). Tenaga pengajar

PPA sanggup mendapatkan latihan untuk memberikan pendidikan yang terbaik (Crispina et al., 2017). Walaupun, latar belakang pendidikan tenaga pengajar di PPA Kampung Numbak tertinggi setakat Sijil Pelajaran Malaysia sahaja (Badariah, 2018). Di MAEC, tenaga pengajar diberikan latihan perguruan oleh UNICEF dan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Malaysia Sabah (Wirawati et al., 2017).

Manakala dari sudut silibus pembelajaran sekolah kerajaan telah disusun rapi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Setiap tenaga pengajar hendaklah menggunakan silibus yang telah ditetapkan untuk merancang pengajaran dan pembelajaran. Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek bahawa silibus kekal digunakan mengikut jangka masa yang telah ditetapkan (Sinar Harian, 2023). Oleh itu, silibus buku teks dalam pendidikan formal hanya terpakai kepada kanak-kanak warganegara sahaja. Bagi kanak-kanak keciciran di PPA tidak menggunakan silibus yang sama dan tahap penguasaan lebih rendah.

Contohnya, MKES, Kelas Bimbingan Insan (KBI) serta Yayasan Guru Malaysia Berhad (YGMB) menggunakan pendidikan asas konsep 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Di MKES, mata pelajaran yang diajarkan adalah Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Pendidikan Seni. Manakala, di KBI hanya tiga mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Matematik dan Pendidikan Islam sama seperti YGMB (Badariah, 2018). Silibus ketiga-tiga PPA ini disediakan oleh tenaga pengajar sendiri walaupun mata pelajaran sama seperti pendidikan formal (Afifah & Badariah, 2022). *Murni Alternative Education Centre* (MAEC) menerapkan di dalam kurikulum terdiri daripada lima cabang iaitu kaedah literasi dan numerasi (LINUS), Pendidikan Agama Islam, Sivik dan Kewarganegaraan, Pengurusan Diri serta Kemahiran Hidup (Vincent et., 2019). Manakala, Madrasah Al-Hikmah mengajarkan mata pelajaran seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan Pendidikan Islam dan mata pelajaran tambahan selepas waktu sekolah bahasa cina mandarin dan bahasa Inggeris (Shawn, 2020). Selain itu juga, Sekolah Alternatif Al-Amin dan Pusat Pembelajaran Big John memberi pendidikan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Pendidikan Islam (Afifah & Badariah, 2022). Begitu juga dengan Sekolah Alternatif Kollektif Borneo Komrad mengajarkan mata pelajaran akademik dan memberikan penerapan seni dan kemahiran (Hafiza et., 2022).

Walaupun, Silibus Pembelajaran dan Pengajaran agak sedikit berbeza dengan pendidikan formal di sekolah kerajaan namun mata pelajaran yang di ajarkan terhadap kanak-kanak di sekolah alternatif sama sahaja menekankan konsep 3M (membaca, mengira, menulis), menerapkan kemahiran hidup. Keberhasilan pembelajaran adalah mengikut tahap penguasaan dan tahap kemahiran pelajar serta teknik pengajaran tenaga pengajar.

Metodologi Kajian

Reka bentuk kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kepustakaan melalui analisis kandungan dokumen dengan merujuk perkara yang berhubung dengan fokus kajian. Dokumen yang dianalisis dalam kajian ini melalui sumber rujukan daripada jurnal, berita semasa, tinjauan artikel yang berkaitan tentang sumbangan Badan Bukan Kerajaan. Kaedah kajian ini digunakan untuk menganalisis peranan-peranan yang dimainkan oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam menyumbangkan untuk membangunkan sektor pendidikan terhadap kanak-kanak keciciran.

Kesimpulan

Sebelum mengakhiri wacana ini, benarlah bahawa peranan-peranan yang dimainkan oleh Badan bukan Kerajaan (NGO) sangat memberikan impak yang besar dalam membantu dan membangunkan pendidikan terhadap golongan kanak-kanak keciciran ini. Bantuan daripada pihak NGO untuk membantu golongan tidak bernasib baik untuk mendapatkan akses pendidikan sangat membantu pihak kerajaan dalam pembangunan pendidikan. Kepentingan pendidikan sangat bernilai tinggi untuk membentuk sahsiah seorang kanak-kanak. Justeru itu, kesedaran masyarakat di Sabah sangat memainkan peranan untuk memahami betapa pentingnya pendidikan kepada kanak-kanak terutamanya kanak-kanak keciciran ini. Sektor pendidikan yang akan membantu masyarakat di Malaysia untuk lebih maju ke depan.

Walaubagaimanapun, kita seharusnya memberikan sokongan padu ke atas usaha yang disumbangkan oleh Badan Bukan Kerajaan. Sumbangan NGO dengan menubuhkan PPA di Sabah sangat memberi dampak positif kepada kanak-kanak keciciran dengan kebolehan untuk mengakses pendidikan dan dapat mengasah kemahiran mereka. Selain itu juga, kita haruslah memberikan kesedaran kepada masyarakat setempat tentang kepentingan pendidikan dan memberikan hak asasi terhadap kanak-kanak keciciran. Tambahan pula, pendidikan boleh membantu kanak-kanak keciciran ini bagi mengelakkan daripada berlakunya perkara-perkara negatif yang tidak sepatutnya terjadi dan membanteras unsur jenayah berleluasa di negara kita. Cadangan kepada pengkaji seterusnya yang mengkaji tajuk yang sama atau mirip agar menjalani penyelidikan yang lebih mendalam mengenai kajian ini dan memahaminya.

Penghargaan

Ucapan jutaan terima kasih kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM) cawangan Sabah dan cawangan Shah Alam atas segala kemudahan fasiliti yang diberikan untuk menerokai alam penulisan akademik dan memudahkan penyelidikan dalam kajian ini. Terima kasih juga diucapkan kepada pihak Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) cawangan Perlis kerana menganjurkan KonSEP 2024 dengan kerjasama *Tun Tan Cheng Lock (TTLC) for Social & Policy Studies*, Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) untuk memberi peluang kepada para ahli akademik berkarya.

Rujukan

- Ahmad, C. N. C., Noh, N. M., Adnan, M., Putih, M., & Ibrahim, M. H. (2013). Pengaruh persekitaran fizikal bilik darjah terhadap tahap keselesaan pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 6(0).
- Awang, M., Zakaria, M. E., & Ismail, R. (2018). Hubungan persekitaran fizikal bilik darjah dan kesejahteraan dan keselesaan pembelajaran dan pengajaran: Relationship between classroom physical environment and teaching and learning comfortness and well-being. *Management Research Journal*, 7, 86-99.
- bin Timhar, M. S., binti Lakiramang, N., bin Ependi, M. W. J., & bin Waris, Y. (2021). *The Impact Of Alternative Schools On Society And Nation. Malaysian Journal Of Business And Economics (MJBE)*, 8(1), 1-20.
- DASS, S. S. A. (2020). *Stateless And Education: The Role Of Madrasah Al Hikmah As An Alternative Learning Centre (Alc) In Kota Kinabalu, Sabah (Doctoral Dissertation, University Malaysia Sabah)*.
- David Lewis. (2010). *Nongovernmental Organizations, Definition and History*. Lewis, D. (2010). *Nongovernmental organizations, definition and history. International encyclopedia of civil society*, 41(6), 1056-1062.

- Fakhrul H. (2022) Sekolah Alternatif: A school for Semporna's invisible children, Malaysia Kini, 26 September 2023 <https://www.malaysiakini.com/news/544148>
- Fazlina A. R. (2023) Keciciran murid, pelajar membimbangkan, Berita Harian, 15 jun 2023 <https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/06/1114733/keciciran-murid-pelajar-membimbangkan>
- Gamiring, A., & Saibeh, B. (2022). Kurikulum Di Pusat Pembelajaran Alternatif: Kajian Kes Di Pulau Mabul Sabah.
- Halim Abdullah. (2023) Infrastruktur sekolah berkualiti bantu tingkat pencapaian pelajar, Berita Harian, 17 Oktober 2023 <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2023/10/1166095/infrastruktursekolah-berkualiti-bantu-tingkat-pencapaian-pelajar>
- Han, C. G. K., Pang, V., Tibok, R. P., Jhee, Y. S., Han, C. G. K., Pang, V., ... & Jhee, Y. S. (2017). *Process Evaluation of an Alternative Education Programme for Refugee, Undocumented and Stateless Children in Sabah. International Journal of Education*, 2(4), 23-39.
- Hed, N. M., Oskar, A., & Yaacob, N. H. (2022). Stateless Issue in Semporna, Sabah: *Impact on the Stateless Children's Education (Sea Gypsies): Isu Stateless di Semporna, Sabah: Kesan ke atas Pendidikan Kanak-Kanak Tanpa Negara (Bajau Laut). EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 8(2), 32-43.
- Hidayah, H. (2023). KPM kekal guna silibus sedia ada, Sinar Harian, 11 Jun 2023 <https://www.sinarharian.com.my/article/262856/berita/nasional/kpm-kekal-guna-silibus-sedia-ada>
- Jasni, M. A., Hassan, N., Ibrahim, F., & Kamaluddin, M. R. (2022). Isu Gelandangan dan Keciciran Pendidikan dalam kalangan Gelandangan Kanak-Kanak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(8), e001692-e001692.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (1995). Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (*Convention on the Rights of the Child*)
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2009). Laporan Pendidikan. Putrajaya: KPM
- Levine, A. (2006). Educating school teachers. Education Schools Project.
- Pang, V., Ling, M. T., & Tibok, R. P. (2019). *Achievement of Children In an Alternative Education Programme For Refugee, Stateless And Undocumented Children In Sabah, Malaysia. Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 4(2), 335-361.
- Pelan NGO Rakan Perpaduan (Friends of Unity) 2022-2023
- Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025
- Portal Rasmi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia. <https://www.spa.gov.my/spa/laman-utama/gaji-syarat-lantikan-deskripsi-tugas/ijazah-sarjana-phd/pegawai-perkhidmatan-pendidikan>
- Rahman, M. N. A., Siraj, S., Idris, N. F. M., Mansor, M. A., & Muhamad, N. A. (2018). Potensi Pembangunan Modul Kurikulum Berasaskan Kemahiran Komuniti Setempat Bagi Kanak-Kanak Bukan Warganegara Malaysia Tanpa Dokumen Pengenalan Diri: Tinjauan Awal. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(3), 15-21.
- Saibeh, B. B. (2018). Pendidikan Alternatif Sebagai Wadah Keterangkuman Sosial Dalam Kalangan Penduduk Yang Tiada Kewarganegaraan Di Pulau Mabul, Sabah: *Alternative Education as Channels for Social Inclusion among Non Citizens People of Pulau Mabul, Sabah. Jurnal Kinabalu*, 24.
- Sinar Harian. (2023). RMK12: Kerajaan cakna isu keciciran murid dalam pendidikan,

Sinar Harian, 11 September 2023
<https://www.sinarharian.com.my/article/278376/berita/nasional/rmk12-kerajaan-cakna-isu-keciciran-murid-dalam-pendidikan>

Soto, G. G. (2007). What is infrastructure?.

Tumin, M., & Nurhadi, R. (2007). Sejarah dan perkembangan badan bukan kerajaan (NGO) di Malaysia. *SEJARAH: Journal of the Department of History*, 15(15).

Undang-undang Malaysia: Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611)

Undang-undang Malaysia: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

UNICEF (2015). Mapping Alternative Learning Approaches, Programmes And Stakeholders In Malaysia

UNICEF (2019). Children out of School: Malaysia, The Sabah Context

Weigmann, K. (2013). *Educating the brain: The growing knowledge about how our brain works can inform educational programmes and approaches, in particular, for children with learning problems. EMBO reports*, 14(2), 136-139.

Xe, W. N. Y., Pang, V., May, C. S., Tibok, R. P., & Han, C. G. K. (2017). *Alternative education for undocumented children: An input evaluation*.

Zakari, N. A., Majid, M. Z. A., & Hussin, M. (2022). Keciciran Murid Sekolah di Malaysia: Suatu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(2), e001288-e001288.